

# Usahasama penyelidikan, pembangunan biomas

**SERDANG** Institut Kebangsaan Industri Sains dan Teknologi Termaju (AIST) dan Institut Teknologi Kyushu (KIT) dari Jepun menjalin usahasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang biomas dengan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ia direalisasikan menerusi satu memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara ketiga-tiga organisasi itu di sini baru-baru ini.

Pada majlis itu, UPM diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah, AIST diwakili oleh Pengarahnya, Dr. Kozo Uto manakala KIT diwakili oleh Presidennya, Dr. Teruo Shimomura.

MoU tersebut melibatkan pelancaran projek R&D *Utilization of Biomass for Biofuels and Biomaterials* serta pelancaran AIST-UPM-KIT Biomass Technology Research Centre di UPM.

Kerjasama tersebut bakal melengkapkan R&D yang sedia ada dalam projek industri biomas 'waste-to-wealth' terutamanya dalam bidang bioteknologi untuk dimanfaatkan bersama di Malaysia, Jepun dan negara serantau.

Dr. Nik Mustapha berkata, kerjasama itu dapat menyambung semula usaha untuk menambah pengetahuan dan memperbaiki teknologi terkini bagi manfaat nasional.

"Saya sangat berbangga kerana dengan kerjasama ini akhirnya pembangunan teknologi tersebut dapat dijalankan bersama," katanya.

Sejarah hubungan kerjasama akademik dan penyelidikan dalam bidang biomas dan teknologi di antara Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM dan KIT bermula sejak 1992 melalui Japan International Agency (JICA) dan Japan Society for the Promotion of Science (JSPS).

Kerjasama tersebut turut membolehkan UPM menjalankan penyelidikan yang mempunyai kepentingan bersama melalui pertukaran staf mahupun pelajar.

Pada majlis tersebut, turut diadakan ialah seminar JSPS Asia Core Programme yang bertajuk *International Collaborative Biomass R&D and Innovation*

UTUSAN MALAYSIA

17 NOV 08: